

## Program Abang Bomba Ke Sekolah berhasil

Kadar murid tak hadir akibat trauma pencemaran kimia menurun

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Penurunan kes tidak hadir ke sekolah akibat trauma antara kesan positif pelaksanaan program motivasi pasca pencemaran kimia yang dijalankan di 22 sekolah terjejas di sini, sejak awal bulan ini.

Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan Pasca Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Mohamed Zahari Razali, berkata motivasi yang dinamakan 'Program Abang Bomba Ke Sekolah' itu dijangka dilaksanakan bagi baki 89 sekolah di Pasir Gudang selepas ini.

Katanya, program motivasi dilaksanakan secara bersama oleh NADMA, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang dan Pejabat Kesihatan Johor Bahru itu, hasil idea Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara.

"Alhamdulillah, hasil kajian awal kita mendapati program motivasi 'Abang Bomba Ke Sekolah' mendapat reaksi positif murid dan guru, malah kita dapat kehadiran murid di 22 sekolah yang menjalankan program ini semakin meningkat ber-



Mohamed Zahari menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil sekolah pada Majlis Perasmian Penutupan Program Abang Bomba Ke Sekolah di SMK Kota Masai 2 yang turut dihadiri Abdul Wahab dan Yahya di Pasir Gudang, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

banding sebelum ini.

"Murid dan guru memaklumkan mereka bukan sahaja berjaya diyakinkan mengenai keselamatan diri, malah didedahkan kepada teknik menyelamatkan diri apabila berlaku pencemaran kimia.

"NADMA akan membentangkan laporan program motivasi murid terjejas bencana pencemaran sisa kimia di sini kepada Timbalan Perdana Menteri, yang akan melawat mangsa Taufan Lekima, di Alor Star, Kedah, Sabtu ini.

"Input ini penting bagi Timbalan Perdana Menteri meneliti hasil program dan hala tuju untuk baki 89 sekolah lagi di Pasir Gudang," katanya pada sidang media selepas meninjau program Abang Bomba Ke Sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota

Masai 2, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamatan, JBPM, Datuk Abdul Wahab Mat Yasin; Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahaya Madis dan Pengetua SMK Kota Masai 2, Rosland Mohd Yusof.

Pencemaran sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim yang berlaku Mac lalu dan pencemaran udara 20 Jun lalu, menjiskan murid di Pasir Gudang apabila semua 111 sekolah di kawasan itu diarahkan ditutup, sekali gus menyebabkan kesan trauma kepada mereka untuk ke sekolah.

Sementara itu, Abdul Wahab berkata, modul program motivasi yang dilaksanakan di sekolah Pasir Gudang akan ditambah baik sebelum diperluaskan ke pe-

ringkat nasional.

Katanya, Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid, mengarahkan modul program motivasi itu juga dilaksanakan di sekolah lain di seluruh negara dengan memasukkan elemen lebih menyeluruh, termasuk menyelamatkan diri ketika pelbagai bencana seperti banjir, taufan, tsunami dan gempa bumi.

"Ketua Pengarah JBPM mahu modul program motivasi di Pasir Gudang ini menjadi modul perintis dan dimasukkan elemen tatabaca, termasuk membantu mangsa bencana yang cedera, asas bantuan pernafasan, asas mengendalikan tumpahan bahan berbahaya di sekolah atau rumah serta menyelamatkan diri ketika bencana," katanya.